

22/01/2001

Kejatuhan Estrada patut jadi iktibar kepada Filipina

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelantikan Gloria Macapagal Arroyo sebagai Presiden Filipina dianggap pemerhati dan badan politik tempatan sebagai suatu tamparan hebat kepada rakyat negara itu kerana terpaksa menyingkirkan Joseph Estrada yang sebelum ini dipilih oleh mereka.

Pengerusi Biro Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata, keghairahan rakyat negara itu campur tangan dalam urusan dalaman negara jiran atas nama demokrasi perlu dijadikan iktibar.

Ini kerana sebelum ini mereka membuat pemilihan yang salah apabila memilih seorang kaki mabuk, kaki perempuan dan bekas bintang filem yang tidak berkewibawaan politik, sebagai pemimpin negara.

"Pelantikan Arroyo memang dialu-alukan tetapi pada masa sama, ia adalah tamparan hebat kepada rakyat Filipina kerana mereka sendiri memilih Presiden dan kemudian menjatuhkan Presiden yang dipilih. Apa yang berlaku kini, sebenarnya sesuatu yang memalukan.

"Rakyat Filipina sepatutnya menimbang segala tingkah laku mereka kerana menaikkan individu berdasarkan populariti dan bukannya kredibiliti sebagai pemimpin," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pelantikan Arroyo dan penyingkiran Estrada sebagai pemimpin negara Filipina semalam.

Semalam, Arroyo yang juga Naib Presiden negara itu dilantik menjadi Presiden baru Filipina selepas Estrada meletakkan jawatan kerana akur dengan keputusan Mahkamah Agung yang memerintahkannya mengosongkan kerusi itu.

Dr Shamsul berkata, teori domino yang diramal oleh sesetengah pemerhati politik Barat terhadap kuasa rakyat melalui demokrasi di Asia Tenggara, ternyata meleset sama sekali apabila Estrada yang dipilih rakyat kini disingkirkan manakala Presiden Abdulrahman Wahid (Gusdur) di Indonesia juga berada di ambang kejatuhan.

"Apa yang mereka ramalkan mengenai teori domino di rantau ini jelas salah. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menangani kemelut politik dan ekonomi negara manakala kuasa rakyat di dua negara jiran tidak membawa kestabilan politik malah membawa kepada masalah ekonomi yang lebih serius," katanya.

Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa Pergerakan Wanita Umno, Ilani Datuk Isahak ketika dihubungi hari ini berkata, Wanita Umno mengalu-alukan pelantikan Arroyo yang dianggap sebagai pemimpin berwibawa yang dapat membawa kecemerlangan kepada rakyat negara itu.

Katanya, latar belakang dan keperibadian Arroyo sebagai pemimpin dapat membawa era baru kepada rakyat negara itu, lebih-lebih lagi dari segi kestabilan ekonomi dan politik.

(END)